

26 SEPTEMBER 2017

## Lelaki 21 kali ditahan pelbagai jenayah, masih tidak serik

### Lelaki 21 kali ditahan pelbagai jenayah, masih tidak serik

**RAUB 25 Sept.** - Seorang lelaki yang sudah 21 kali ditahan polis termasuk ketika berusia 15 tahun bagaikan tidak serik apabila sekali lagi diberkas selepas dipercayai terlibat dalam kes penyalahgunaan dadah dan jenayah di sini kelmarin.

Suspek berusia 26 tahun itu yang baru sebulan mendirikan rumahtangga juga baru dibebaskan daripada tahanan di Penjara Bentong atas tuduhan terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Ketua Polis daerah, Superintenden Wan Mohd. Zahari Wan Busu berkata, lelaki yang tidak bekerja itu ditahan bersama isterinya yang berusia 22 tahun dalam serbuan di rumah milik keluarga suspek di Kampung Sungai Pasu, Dong.

"Dalam serbuan pada pukul 10.15 pagi itu, polis menemukan tiga pekuk plastik lut sinar mengandungi serbuk dan ketulan kristal disyaki dadah jenis

syabu seberat 19.9 gram bernilai kira-kira RM2,000.

"Polis juga menemukan sepucuk pistol tiruan berwarna hitam dan kelopak peluru besi serta satu botol bebola berwarna putih serta oren yang dipercayai digunakan sebagai peluru," katanya dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) hari ini.

Menurut Wan Mohd. Zahari, lelaki berkenaan dan isterinya ditahan reman sehingga Rabu ini dan kes itu disiasat mengikut Seksyen 39A (1) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 serta Seksyen 36 Akta Senjata 1960.

Katanya, berdasarkan siasatan awal suspek lelaki berkenaan didapati positif dadah jenis syabu.

"Suspek lelaki mempunyai 21 rekod lampau termasuk kesalahan mencuri ketika berusia 15 tahun dan bergaduh dengan anggota polis ketika berumur 23 tahun selain 19 kesalahan melibatkan penyalahgunaan dadah," ujarnya.